

PSB - Bahagian Arkib

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Monday, 15 April, 2019 4:47 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Forum Zakat Dalam Kewangan Islam Ke Arah Mencapai Matlamat Sosio Ekonomi Dan SDGs



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

15 APRIL 2019 / 9 SYAABAN 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: IBS

FORUM ZAKAT DALAM KEWANGAN ISLAM KE ARAH MENCAPAI MATLAMAT SOSIO EKONOMI DAN SDGS



UUM ONLINE: Institut Penyelidikan dan Inovasi Zakat (IPIZ) dan Pusat Pengajian Perniagaan Islam (IBS) dengan kerjasama Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) telah menganjurkan wacana bertajuk 'Zakat Dalam Kewangan Islam Ke Arah Mencapai Matlamat Sosio Ekonomi' di Dewan Seminar B, Pusat Konvensyen, baru-baru ini.

Ahli panel wacana terdiri daripada Ketua Pegawai Eksekutif LZNK, Sheikh Zakaria Othman; Ketua Penasihat Perniagaan IBFIM, Razli Ramli dan Pengurus Pembangunan Perniagaan RHB Bank, Norazam Ismail bersama moderator, Dr. Amirul Faiz Osman dari IBS.

Wacana berbentuk forum ini membincangkan tentang zakat dalam kewangan Islam ke arah mencapai matlamat pembangunan mampan (SDGs) dan peranan dunia kewangan dalam menyumbang kepada zakat dan asnaf.

Sheikh Zakaria berkata, LZNK telah bergerak selari dengan matlamat SDGs iaitu dari segi pembasmian kemiskinan (*poverty alleviation*) dan pembasmian kelaparan (*zero hunger*) yang merupakan antara teras utama daripada 17 teras di dalam komponen SDGs.

Katanya, dalam program pembasmian kelaparan atau jaminan makanan (*food security*), LZNK telah menubuhkan beberapa bank makanan (*food bank*) di beberapa buah masjid seluruh negeri Kedah.

Pada forum itu juga ditekankan tentang konsep *Value Based Intermediation* (VBI) seperti yang disarankan oleh Gabenor Bank Negara, Dato' Nor Shamsiah Mohd Yunus pada Forum Kewangan Islam Global pada tahun lalu.

Konsep VBI menyarankan agar sektor perbankan tidak melihat unsur keuntungan semata-mata tetapi manfaat atau kesan positif kepada masyarakat hendaklah selari dengan matlamat keuntungan.

Selain itu, wacana tersebut turut membahaskan berkaitan persediaan yang sepatutnya ada bagi seorang pelajar dalam menghadapi dunia pekerjaan.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.